

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/275 • Rabu, 17 Mei 2023 / 26 Syawal 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:34AM • SUBUH 4:44AM • SYURUK 6:06AM • DOHA 6:30AM • ZOHOR 12:18PM • ASAR 3:40PM • MAGHRIB 6:27PM • ISYAK 7:41PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

Rektor UNISSA sertai IUL ke-12

Oleh Nurdiyanah R.

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 MEI – Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal telah menyertai Persidangan Agung Rabitah Universiti Islam (IUL) ke-12 yang berlangsung di Kota Suci Makkah Al-Mukarramah.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh UNISSA, hari ini, persidangan itu membincangkan pindaan beberapa artikel perlembagaan IUL dan peraturan-peraturan

pelaksanaan yang berkaitan, selain melantik ahli lembaga pelaksana IUL yang baharu.

IUL ditubuhkan pada 1969 dan mempunyai jumlah keahlian yang besar dari universiti-universiti Islam seluruh dunia.

Persidangan penting itu bertujuan untuk mengetengahkan sumbangan dan usaha universiti dan institusi pengajian tinggi Islam di dunia Arab dan Islam dalam menyediakan ilmu dan perkhidmatan terbaik kepada

ummah sejagat, selain memperkukuhkan jaringan kerjasama antara universiti-universiti Islam di peringkat antarabangsa.

Penglibatan UNISSA dalam IUL bermula pada 2016 sebagai sebahagian daripada usahanya berganding bahu dengan universiti-universiti Islam di peringkat antarabangsa untuk menyebarkan mesej kecemerlangan akademik kepada dunia luar.



Dr Haji Norarfan telah menyertai Persidangan Agung Rabitah Universiti Islam (IUL) ke-12 di Kota Suci Makkah Al-Mukarramah. - Gambar serahan UNISSA